

NO. SOALAN: 308

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

RUJUKAN : 7293

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci pencapaian Polis Diraja Malaysia dalam menangani kadar jenayah yang semakin membimbangkan rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Untuk makluman, kerajaan akur akan kebimbangan rakyat terhadap jenayah. Pada masa yang sama, tidak dinafikan adalah agak mustahil untuk menghapuskan sama sekali kejadian jenayah yang berlaku di negara ini. Namun ini tidak menghalang kerajaan untuk terus melaksanakan program-program pencegahan jenayah, di mana beberapa inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah telah dilaksanakan sebagai usaha holistik dalam menangani jenayah. Hasilnya, kadar jenayah secara keseluruhan telah menurun namun persepsi masyarakat seolah-olah kadar jenayah terus meningkat akibat tanggapan yang sengaja ditimbulkan. Bagi tahun 2013, NKRA Mengurangkan Jenayah telah mencatatkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seperti berikut:

- i) Pengurangan 4.3% kadar jenayah indeks berbanding 2012;**
- ii) Pengurangan 6.5% kadar jenayah pecah rumah berbanding 2012;**
- iii) Tahap persepsi keselamatan pada tahap 47.2%;**
- iv) Sebanyak 38.2% kertas siasatan didakwa di mahkamah berbanding kertas siasatan yang dibuka; dan**
- v) Dapatan 85.7% tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia(PDRM).**

Pencapaian ini adalah hasil pelaksanaan program-program seperti:

- i) *High Profile Policing* di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan ‘turun padang’ bersama-sama anggota Polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat;**
- ii) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;**
- iii) Program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd* dan stesen minyak *Petron* serta *Shell* dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah;**
- iv) *Community Policing*, melibatkan aktiviti seperti dialog bersama persatuan penduduk, pameran, sukaneka dan mesyuarat bersama masyarakat setempat;**
- v) Rondaan bersama masyarakat di kawasan perumahan, seperti bersama persatuan penduduk untuk mencegah jenayah; dan**

- vi) Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan menjalankan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat untuk menangani masalah jenayah.**

Di samping itu, keupayaan PDRM dalam menangani masalah jenayah telah diperkasakan Kerajaan dengan inisiatif seperti:

- i) Menambah 4,000 perjawatan baru Polis DiRaja Malaysia pada 2014 untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah;**
- ii) Menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bagi memantau kawasan perumahan. Sehingga kini sejumlah 1,800 unit motosikal telah diagihkan ke seluruh negara;**
- iii) Latihan dalam perkhidmatan yang merangkumi aspek siasatan forensik, modal insan dan integriti;**
- iv) Pewujudan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pada untuk 9 Jun 2014 bertujuan melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah secara menyeluruh; dan**

- v) **Pewujudan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM pada 25 Julai 2014 untuk memperkasakan integriti PDRM.**